

<p>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai "IKHLAS Basic Term Takaful". Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD</p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLAS BASIC TERM TAKAFUL</p> <p>Tarikh: 9/12/2024</p>														
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Ini adalah pelan asas dan sumbangan takaful berkala bertempoh. Ia menyediakan manfaat kematian sekali gus jika orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK) semasa dalam tempoh sijil takaful. Tambahan 100% dari amaun perlindungan akan dibayar ke atas kematian atau HUMK disebabkan kemalangan. Sekiranya kematian orang yang dilindungi disebabkan oleh denggi, tambahan 50% dari amaun perlindungan akan dibayar tertakluk kepada jumlah maksimum RM100,000 bagi setiap orang yang dilindungi. Ini adalah pelan perlindungan tulen tanpa komisyen yang tidak menyediakan sebarang manfaat takaful atau bayaran balik apabila sijil takaful diserahkan.</p> <p>Anda boleh menyertai pelan ini jika anda berumur di antara 17 tahun dan ke atas. Umur adalah berdasarkan hari jadi akan datang.</p>															
<p>2) Apakah konsep-konsep syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> Tabarru' – merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam dana risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada beneficiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam dana risiko. Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (<i>ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak syarikat. <p>Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad</p>															
<p>3) Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <p>Manfaat takaful dan amaun perlindungan yang ditawarkan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Manfaat Takaful</th> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Amaun Perlindungan (RM)</th> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Tempoh Perlindungan</th> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Penerangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> Manfaat Kematian </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> Akibat Semulajadi Akibat Kemalangan Akibat Denggi </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> 50,000 100,000 75,000 </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> 20 20 20 </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> Amaun perlindungan asas akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan kematian orang yang dilindungi telah diluluskan. Amaun perlindungan manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Amaun perlindungan manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh denggi. </td></tr> <tr> <td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> Manfaat HUMK </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> Akibat Semulajadi Akibat Kemalangan </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> 50,000 100,000 </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> 20 20 </td><td style="vertical-align: top; padding: 5px;"> Amaun perlindungan HUMK akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan HUMK orang yang dilindungi telah diluluskan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini, sila rujuk Lampiran HUMK. Amaun perlindungan HUMK akan dibayar kepada peserta takaful jika orang yang dilindungi mengalami HUMK disebabkan oleh kemalangan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini, sila rujuk Lampiran HUMK. </td></tr> </tbody> </table>	Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan	Penerangan	Manfaat Kematian	Akibat Semulajadi Akibat Kemalangan Akibat Denggi	50,000 100,000 75,000	20 20 20	Amaun perlindungan asas akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan kematian orang yang dilindungi telah diluluskan. Amaun perlindungan manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Amaun perlindungan manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh denggi.	Manfaat HUMK	Akibat Semulajadi Akibat Kemalangan	50,000 100,000	20 20	Amaun perlindungan HUMK akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan HUMK orang yang dilindungi telah diluluskan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini, sila rujuk Lampiran HUMK . Amaun perlindungan HUMK akan dibayar kepada peserta takaful jika orang yang dilindungi mengalami HUMK disebabkan oleh kemalangan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini, sila rujuk Lampiran HUMK .	
Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan	Penerangan												
Manfaat Kematian	Akibat Semulajadi Akibat Kemalangan Akibat Denggi	50,000 100,000 75,000	20 20 20	Amaun perlindungan asas akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan kematian orang yang dilindungi telah diluluskan. Amaun perlindungan manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Amaun perlindungan manfaat kematian akan dibayar jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh denggi.											
Manfaat HUMK	Akibat Semulajadi Akibat Kemalangan	50,000 100,000	20 20	Amaun perlindungan HUMK akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan HUMK orang yang dilindungi telah diluluskan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini, sila rujuk Lampiran HUMK . Amaun perlindungan HUMK akan dibayar kepada peserta takaful jika orang yang dilindungi mengalami HUMK disebabkan oleh kemalangan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perlindungan ini, sila rujuk Lampiran HUMK .											
<p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> HUMK adalah berdasarkan definisi "Sebarang Pekerjaan" seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful dan hilang upaya telah berlaku sekurang-kurangnya enam (6) bulan, manfaat takaful yang dibayar adalah tertakluk kepada: <ul style="list-style-type: none"> Tuntutan HUMK disahkan oleh doktor yang dilantik. Sumbangan takaful tidak tertunggak. <p>Jumlah maksimum amaun perlindungan HUMK yang boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh pihak syarikat ke atas diri orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi RM2,000,000. HUMK dilindungi sehingga umur 70 tahun.</p> <ol style="list-style-type: none"> Tempoh kontrak : 20 tahun. 															

3. Amaun perlindungan untuk kematian disebabkan dengan hanya akan dibayar seperti amaun yang dinyatakan di atas. Ianya bukan dibayar sebagai tambahan kepada kematian akibat semulajadi atau kemalangan.
4. Sila baca sijil takaful untuk maklumat lebih lanjut mengenai manfaat-manfaat produk.

4) Berapakah jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar?

Jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar dan tempoh perlindungan takaful berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak syarikat:

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu dibayar	:	RM216.60 Tahunan
Tempoh sumbangan	:	Sehingga umur 55 tahun

Sumbangan takaful pembaharuan adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak syarikat berhak untuk menyemak kadar sumbangan takaful pada ulang tahun sijil takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Pihak syarikat akan memberikan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis kepada peserta takaful sekiranya berlaku penyemakan semula sumbangan takaful. Sumbangan takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat. Terma dan syarat untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan sumbangan takaful juga boleh disemak-semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

a) Yuran Wakalah

- Yuran wakalah adalah termasuk komisyen dan perbelanjaan pengurusan.

	Tahun	1	2	3	4	5 dan ke atas
Jumlah Yuran Wakalah	RM	54	48	39	32	22
	%	25	22	18	15	10
a) Komisyen	RM	0	0	0	0	0
	%	0	0	0	0	0
b) Perbelanjaan Pengurusan	RM	54	48	39	32	22
	%	25	22	18	15	10

b) Caj Sijil Takaful

Caj sijil takaful sebanyak RM48 untuk setiap sijil takaful akan dikenakan setiap tahun. Caj ini adalah tambahan kepada yuran wakalah.

c) Tabarru'

Jumlah tabarru' adalah baki sumbangan takaful selepas ditolak yuran wakalah dan caj sijil takaful. Amaun ini akan diperuntukkan ke dalam dana risiko.

d) Yuran Penguatkuasaan Semula

Yuran penguatkuasaan semula adalah sebanyak RM15, ditambah cukai-cukai lain, jika ada, pada kadar semasa.

e) Duti Setem

Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa permulaan.

Nota: Penguatkuasaan semula merujuk kepada keadaan dimana anda telah membuat penguatkuasaan semula sijil takaful anda selepas ianya luput. Sila rujuk sijil takaful untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan penguatkuasaan semula.

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – peserta takaful dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti keadaan kesihatan, dan menyatakan umur dengan betul. Pihak syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika peserta takaful didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan kepada peserta takaful.
- b) Tempoh Bertenang – peserta takaful boleh membatalkan sijil takaful dengan mengembalikan sijil takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh sijil takaful diterima. Sumbangan takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada) akan dikembalikan kepada peserta takaful. Pihak syarikat akan membatalkan sijil takaful dengan serta-merta setelah penerimaan surat pembatalan dan ianya akan dianggap tidak berkuat kuasa dari tarikh dikeluarkan.
- c) Manfaat HUMK akan tamat pada tarikh ulang tahun sijil takaful serta-merta selepas hari jadi orang yang dilindungi yang ke-70.
- d) Adalah penting bagi peserta takaful untuk menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran sumbangan-sumbangan takaful.
- e) Sila hubungi pihak syarikat sekiranya peserta takaful tidak menerima sijil takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan.
- f) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada pihak syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas perlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menaikkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada pihak syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh perlakunya peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah sijil takaful ini. Helaian keterangan produk (PDS) ini mengandungi ringkasan produk dan bukan kontrak pelan takaful. Sijil takaful akan mengatasi dokumen ini.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil takaful ini?

Pengecualian ke atas Manfaat Kematian

Sijil takaful ini tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- a) Bunuh diri; atau
- b) Meninggal dunia akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit kelamin yang lain; atau
- c) Di bawah pengaruh alkohol atau ubat-ubatan lain daripada mengikut arahan pengamal perubatan yang berdaftar.

Pengecualian utama diguna pakai untuk HUMK

Sijil takaful ini tidak melindungi sebarang HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- a) Kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang percubaan memudaratkan diri sendiri itu ketika siuman atau tidak siuman; atau
- b) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- c) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa juga peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
- d) Hilang upaya bermula sebelum penerimaan perlindungan; atau
- e) Keadaan sedia ada

Pengecualian tambahan untuk manfaat HUMK disebabkan kemalangan:

- a) Apa-apa jenis penyakit, sawan, hernia, penyakit kelamin.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah sijil takaful.

8) Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar sumbangan takaful anda dalam tempoh yang dibenarkan, sijil takaful anda mungkin luput. Anda boleh memilih untuk membatalkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada pihak syarikat.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk peserta takaful memaklumkan kepada pihak syarikat sebarang perubahan pada maklumat/ alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada peserta takaful dalam jangka masa ditetapkan.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga' atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) (593075-U)

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk takaful keluarga seumpama yang boleh didapati.

Sila hubungi kami untuk pelan seumpama yang ditawarkan oleh pihak syarikat atau lawati laman web kami untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN, MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDHAHAN DI ATAS HENDAKLAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDHAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKOINI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN INI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 9/12/2024

Lampiran HUMK

Perlindungan

Amaun perlindungan HUMK akan dibayar secara sekaligus jika orang yang dilindungi mengalami HUMK untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berterusan. Amaun perlindungan HUMK adalah dibayar dari dana risiko. Sijil ini akan ditamatkan semasa HUMK diluluskan, melainkan manfaat HUMK adalah lebih rendah daripada amaun perlindungan asas.

Perlindungan untuk HUMK akan ditamatkan pada ulangtahn sijil takaful apabila umur hari jadi akan datang orang yang dilindungi adalah tujuh puluh (70) tahun atau pada akhir tempoh sijil, yang mana dahulu.

Jumlah maksimum tuntutan yang dibayar untuk HUMK dari dana risiko daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Dua Juta Ringgit Malaysia (RM2,000,000).

Tempoh Menunggu

Tempoh menunggu selama enam (6) bulan diguna pakai untuk tuntutan HUMK. Amaun perlindungan HUMK akan dibayar jika HUMK berterusan selama 6 bulan berturut-turut.

Pengecualian untuk HUMK

Manfaat HUMK tidak akan dibayar jika HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara berikut:-

- a) Cubaan membunuh diri atau tindakan memudaratkan diri sendiri oleh orang yang dilindungi ketika siuman atau tidak siuman; atau
- b) Akibat penyalahgunaan dadah atau di bawah pengaruh alkohol; atau
- c) Penyertaan dalam sebarang kegiatan jenayah, rusuhan, rusuhan awam, pemberontakan, perperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang jenis operasi berbentuk perperangan, tindakan musuh asing, sebarang tindakan keganasan dan perperangan kimia; atau
- d) Melibatkan diri dalam sukan professional, selam skuba, perlumbaan atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada sebagai anggota kru atau sebagai penumpang berbayar pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi pada laluan yang dijadualkan atau apa-apa aktiviti sukan berbahaya (termasuk lompatan bungee, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan jika kami bersetuju dengan persetujuan khas; atau
- e) HIV atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan yang berkaitan dengan AIDS.

Pengecualian tambahan untuk manfaat HUMK disebabkan kemalangan:

- a) Apa-apa jenis penyakit, sawan, hernia dan penyakit kelamin.